## BUKU PANDUAN KRITERIA PENGGREDAN ORKID BAGI HOTEL BAJET
## (GUIDEBOOK OF ORCHID RATING CRITERIA FOR BUDGET HOTEL)

| BIL. | KRITERIA | MARKAH (%) |
|---|---|---|
| A | PIAWAIAN KEBERSIHAN | 1 |
| B | KESELAMATAN BANGUNAN DAN KESELAMATAN PELANGGAN | 25 |
| C | KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN | 25 |
| D | KEMASAN BILIK PENGINAPAN | 10 |
| E | KAKITANGAN | 11 |
| **MARKAH KESELURUHAN (TOTAL MARKS)** | | 100 |

### A. PIAWAIAN KEBERSIHAN

| BIL. | KRITERIA | 1 ORKID | 2 ORKID | 3 ORKID |
|---|---|---|---|---|
| A1 | Tong Sampah | * Semua tong sampah mesti dialas dengan beg plastik, ditempatkan di tempat yang sesuai dan sentiasa ditutup<br>* Penggunaan tong sampah yang berasingan berserta label untuk dikitar semula adalah digalakkan | | |
| A2 | Pemasangan Sanitari/Tandas (Saiz minimum tandas dan bilik mandi = 2 meter persegi)<br>* Dinasihatkan untuk menggunakan dispenser sabun cecair/syampu bio-terurai<br>* Ceper air perlu disediakan | Sekurang-kurangnya 1 bilik mandi dan tandas umum untuk setiap 8 penghuni atau 2 untuk 9-20 penghuni. Tandas/bilik mandi berasingan untuk wanita/lelaki dengan label yang jelas. Tandas tidak perlu disediakan dengan peralatan mandian. | Sekurang-kurangnya 1 bilik mandi dan tandas umum untuk setiap 1-7 penghuni. Tandas/bilik mandi berasingan untuk wanita/lelaki dengan label yang jelas. Tandas tidak perlu disediakan dengan peralatan mandian. | Bilik mandi dan tandas individu di setiap bilik penginapan. Lengkap dengan sinki, pancuran mandian atau tab mandi dan baldi kecil. Tuala dan peralatan mandian asas perlu disediakan. |
| A3 | Mesej Kesedaran Kesihatan (Poster HIV/Aids dan Risalah) | * Poster/risalah gaya hidup sihat dipamerkan<br>* Poster/risalah tentang kesedaran alam sekitar dipamerkan | | |
| A4 | Dapur | * Makanan yang disediakan mesti mematuhi syarat kebersihan KKM<br>* Dapur/pantri mesti mengikut syart KKM<br>* Asingkan tempat memasak, membasuh, menyimpan dan peralatan untuk makanan tidak halal<br>* Tempat penyimpanan makanan dilabelkan dengan betul | | |
| A5 | Sisa | * Semua sisa dan sampah mesti dibuang setiap hari dari kawasan bilik sampah dan kawasan sisa hendaklah sentiasa dalam keadaan bersih<br>* Digalakkan penggunaan tong sampah berasingan (coklat/biru/jingga) untuk tujuan kitar semula (kaca/kertas/plastik/aluminium) | | |
| A6 | Perlindungan Daripada Serangga dan Perosak | Kawalan perlindungan serangga perosak di semua kawasan hotel pada setiap masa. Digalakkan untuk menggunakan racun perosak yang selamat atau berasaskan botani | | |

## B. KESELAMATAN BANGUNAN DAN KESELAMATAN PELANGGAN

| BIL. | KRITERIA | 1 ORKID | 2 ORKID | 3 ORKID |
|---|---|---|---|---|
| B1 | Koridor | Selamat, terjaga dan bersih dengan langkah berjaga-jaga koridor yang mencukupi (lampu kecemasan, pintu keluar dan tanda arah | | |
| B2 | Kemudahan Keselamatan dan Perlindungan Kebakaran | Selaras dengan Undang-undang Pencegahan Kebakaran Tempatan di bawah Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984. Mempunyai sijil kelayakan untuk diduduki. Pemasangan meter/peralatan untuk memantau dan mengawal penggunaan tenaga | | |
| B3 | Bekalan Kuasa Kecemasan | Lampu bateri/lampu suluh disediakan sekiranya berlaku gangguan bekalan elektrik | | |

## C. KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN

| BIL. | KRITERIA | 1 ORKID | 2 ORKID | 3 ORKID |
|---|---|---|---|---|
| C1 | Kawasan Kaunter Penerimaan | Kawasan kaunter penerimaan yang sesuai dengan sekurang-kurangnya seorang kakitangan yang bertugas | Kawasan kaunter penerimaan yang sesuai dengan pintu masuk utama yang bersesuaian. Sekurang-kurangnya seorang kakitangan yang bertugas | Kawasan kaunter penerimaan yang selesa dengan meja dan kerusi. Pintu masuk utama yang sesuai dengan sekurang-kurangnya seorang kakitangan yang bertugas |
| C2 | Tandas Awam | Sekurang-kurangnya 1 tandas awam berdekatan dengan tempat menyambut tetamu yang dilengkapi dengan sinki dan sabun. Tandas awam untuk OKU perlu disediakan | | |
| C3 | Keadaan Suhu Untuk Kawasan Umum | Kipas disediakan dengan pengudaraan yang baik | | |
| C4 | Telefon Awam | Sekurang-kurangnya 1 telefon awam disediakan di tempat menyambut tetamu | | |
| C5 | Lif | Lif diperlukan untuk bangunan 60 kaki ke atas atau lebih daripada 5 tingkat | | |
| C6 | Perkhidmatan Kaunter Hadapan | Buku pendaftaran tetamu perlu disediakan dan diuruskan oleh sekurang-kurangnya seorang kakitangan yang bertugas | | |
| C7 | Perkhidmatan Teksi | Tidak perlu disediakan | Tidak perlu disediakan | Perkhidmatan panggilan teksi perlu disediakan |
| C8 | Maklumat Pelancongan | Tidak perlu disediakan | Tidak perlu disediakan | Risalah dan pamplet pelancongan perlu disediakan |
| C9 | Kemudahan Pertolongan Cemas | Penyediaan kotak pertolongan cemas yang mengandungi ubat-ubatan mengikut spesifikasi KKM (perlu diisi semula, memantau tarikh luput ubat-ubatan yang digunakan dan diperiksa dari semasa ke semasa) | | |

**D. KEMASAN BILIK PENGINAPAN**

| BIL. | KRITERIA | 1 ORKID | 2 ORKID | 3 ORKID |
|---|---|---|---|---|
| D1 | Saiz Minimum Bilik Penginapan | Keperluan standard minimum:<br>Saiz: 8 kaki persegi<br>Ketinggian: 2.5 meter | | |
| D2 | Bilik Larangan Merokok | Tidak perlu disediakan | Tidak perlu disediakan | Perlu disediakan |
| D3 | Perabot | * Katil dengan cadar bersih, selimut, bantal dan tilam yang bersih<br>* Bakul sampah<br>* Penyangkut/cangkuk untuk menggantung pakaian<br>*Elemen batik Malaysia dan hiasan tempatan (Malaysia) perlu disediakan | * Katil dengan cadar bersih, selimut, bantal dan tilam yang bersih<br>* Bakul sampah<br>* Penyangkut/cangkuk untuk menggantung pakaian<br>* Meja sisi<br>*Elemen batik Malaysia dan hiasan tempatan (Malaysia) perlu disediakan | * Katil dengan cadar bersih, selimut, bantal dan tilam yang bersih<br>* Bakul sampah<br>* Almari dengan penyangkut pakaian<br>* 1 meja dan 1 kerusi<br>*Elemen batik Malaysia dan hiasan tempatan (Malaysia) perlu disediakan |
| D4 | Linen Katil, Tuala | Memperkenalkan program penggunaan semula cadar dan tuala untuk mengurangkan penggunaan air, detergen dan tenaga (akan dikenakan caj atas permintaan tetamu) | | |
| D5 | Tingkap | Mesti mematuhi kod bangunan standard yang ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan. Langsir atau bidai untuk tingkap disediakan | | |
| D6 | Pintu | Setiap bilik mesti bernombor dan mempunyai kunci individu dengan selak/kunci berganda. Bahan yang digunakan haruslah kalis api | | |
| D7 | Kalis Bunyi Untuk Bilik Penginapan | Mematuhi piawaian PBT. Digalakkan untuk melaksanakan program kawalan bunyi daripada operasi hotel | | |
| D8 | Keadaan Suhu di Dalam Bilik Penginapan/Pengudaraan | | | |
| D9 | Komunikasi | Tidak perlu disediakan | Telefon disediakan sekurang-kurangnya 1 di setiap tingkat | Telefon di setiap bilik penginapan |
| D10 | Air Minuman | Air minuman disediakan atas permintaan. Mematuhi piawaian PBT. Digalakkan untuk melaksanakan program kawalan bunyi daripada operasi hotel | | Air minuman disediakan |
| D11 | Bahan Maklumat | Maklumat mengenai pencegahan kebakaran/garis panduan, peraturan rumah dan kadar/caj bilik perlu dipamerkan. | | |
| D12 | Tanda Arah Kiblat | Tanda arah kiblat perlu diletakkan di siling bilik penginapan/di tempat terbuka (mudah dilihat) | | |

## E. KAKITANGAN

| BIL. | KRITERIA | 1 ORKID | 2 ORKID | 3 ORKID |
|---|---|---|---|---|
| E1 | Sapaan Tetamu Malaysia | Kakitangan membuat sapaan kepada tetamu mengikut cara Malaysia | | |
| E2 | Kebolehan Bahasa | Penyambut tetamu dwibahasa | | |
| E3 | Bilangan Kakitangan | Bilangan kakitangan mengikut bilangan bilik dan saiz bilik penginapan | | |
| E4 | Warganegara | Hanya warganegara Malaysia dibenarkan kerja sebagai barisan hadapan. Pekerja asing dibenarkan bekerja di bahagian belakang sahaja | | |
| E5 | Kualiti Kakitangan | Latihan kakitangan - semua kakitangan mesti dihantar untuk latihan berterusan dalam bidang hospitaliti dan kesedaran alam sekitar dengan pensijilan | | |